



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**10 MAC 2024
29 Syaaban 1444H**

Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	• Layan dadah sambal tangkap ikan
Kosmo !	•
Sinar Harian	• Guna dron curi benih kerang
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
MalaysiaAktif	•
Bernama	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF	/	NEUTRAL			13	10-3-2024



MARITIM Malaysia Selangor menahan empat nelayan warga asing yang leka menangkap ikan menggunakan pukat tunda bersama barang terlarang di kedudukan 10.8 batu nautika barat Sekinchan.

Layan dadah sambil tangkap ikan

Sekinchan: Tidak hanya 'merampas' kerjaya nelayan tempatan malah nelayan warga asing turut dikesan membawa budaya buruk menagih pelbagai jenis dadah ketika menangkap ikan di laut.

Ini terbukti apabila Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Selangor memberkas empat nelayan asing sebelum menemui dan merampas peralatan menghisap dadah syabu, ubat batuk selain beg plastik mengandungi daun ketum.

Pengarah Maritim Selangor Kepten Maritim Abdul Muhaimin Muhammad Salleh berkata, pihaknya mengesan bot nelayan mencurigakan semasa melakukan rondaan rutin di perairan Sekinchan.

Beliau berkata, bot dikendalikan seorang tekong dan tiga kru warga Myanmar berusia antara 30 hingga 38 tahun itu sedang menjalankan aktiviti menangkap ikan menggunakan pukat tunda.

"Pemeriksaan lanjut menemui tiga set peralatan menghisap dadah, tiga pekuk plastik lut sinar mengandungi hablur kristal berwarna putih disyaki syabu anggaran berat kasar tiga gram, tiga botol ubat batuk dan satu plastik beg hitam mengandungi daun ketum seberat tiga kilogram.

"Turut ditemui satu tangki simpanan bahan api yang diubah suai berisi anggaran 400 liter minyak diesel di bahagian hadapan dek bot," katanya.

Abdul Muhaimin berkata, kes disiasat mengikut Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Akta Racun 1952 selain Akta Perikanan 1985 kerana menggunakan warga asing dan memasang alat perhubungan elektronik menangkap ikan tanpa kebenaran bertulis Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia.

"Siasatan turut membatalkan Akta Imigresen 1959/63 kerana tiga kru yang ditahan bekerja tanpa permit yang sah," katanya.

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF	NEGATIF	NEUTRAL	9	10-3-2024

Guna dron curi benih kerang

Alat itu dipercayai digunakan untuk memantau pergerakan pihak berkuasa yang menjalankan penguatkuasaan

Oleh MUHAMMAD AMINURALIF MOHD ZOKI
SHAH ALAM

SA, MS 9, 10 MAC

SHAH ALAM - Penggunaan dron antara taktik digunakan sindiket penyeludupan benih dan anak kerang di beberapa lokasi sekitar Selangor bagi mengelak ditahan pihak berkuasa.

Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia Selangor, Noraisyah Abu Bakar berkata, dron itu dipercayai digunakan untuk memantau pergerakan pihak berkuasa yang menjalankan penguatkuasaan.

"Perkembangan teknologi semasa turut dimanfaatkan kumpulan ini dalam menjalankan kegiatan berkenaan dengan menggunakan dron.

"Walaupun ia menyukarkan ketika operasi dijalankan, namun dengan kecekapan anggota terlibat tindakan penguatkuasaan tetap berjalan dengan lancar," katanya kepada *Sinar Ahad*.

Menurut Noraisyah, selain itu peranan kumpulan tertentu yang bertindak sebagai tonto antara cabaran dihadapi Jabatan Perikanan Selangor dalam menjalankan operasi membanteras kecurian benih kerang.

"Kita percaya ada sindiket yang bertindak mengupah tonto yang mana berperanan menjadi mata dan telinga pihak sindiket ini.

"Setakat ini, tiada sebarang tindakan agresif yang berlaku ketika penugasan dijalankan, namun setiap pelaksanaan kita laksanakan dengan perancangan rapi bagi memastikan operasi berjalan lancar," katanya.

Noraisyah berkata, pihaknya sentiasa menjalankan pemantauan dan rondaan di laut serta darat bagi mengekang kes kecurian benih kerang.



NORAISYAH



Laporan *Sinar Harian* pada Sabtu.

"Tindakan penguatkuasaan termasuk melibatkan kerjasama pelbagai agensi turut digerakkan secara berterusan.

"Selain itu, masyarakat turut memainkan peranan penting menyalurkan sebarang maklumat berkaitan kegiatan ini," ujar beliau.